

www.mhi.com.my

MHI

MELAKA HARI INI

Diterbitkan Sejak 1982

AKHBAR KOMUNITI ANDA

SOLAT MELAKA	
28 SYAABAN 1436H	
SUBUH	5.40
SYURUK	7.03
ZOHOR	1.13
ASAR	4.38
MAGHRIB	7.19
ISYAK	8.35

Ramadhan Gala Dinner RAMADA PLAZA MELAKA

3 July 2015
6.30pm to 10.30pm

Make your reservations now and get an early bird 15% discount before 16 June 2015

Enjoy Getaway Prices, Door Gifts and More! You'll love us for years

For Reservations, Email Us at **+6062848888**

Our Specialties: Live Performance - Mawit

*Terms and Conditions Apply

ISNIN 15 JUN 2015 / 28 SYAABAN 1436H PP11922/03/2013(031989)

RM1.50

Lebih 50,000 saksikan acara berprestij

Melaka Parade meriah, warna-warni

PERARAKAN *Melaka Parade 2015* berlangsung meriah sekali gus menyaksikan sebanyak 93 pasukan berarak menggunakan pelbagai jenis kenderaan. Lebih menarik, semua kenderaan dihiasi dengan pelbagai jenis hiasan serta kerlipan lampu berwarna-warni, hasil kreativiti setiap jabatan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) di negeri ini.



MOHD Khalil ketika menyempurnakan Perarakan *Melaka Parade 2015* di Jalan Hang Tuah, Jumaat lalu. Turut hadir, Idris dan Fadillah serta tetamu kenamaan lain.

Asahan bakal jadi bandar baharu



2



3-4

IDRIS memotong reben sebagai simbolik perasmian Jambatan Penghulu Haji Haron di Asahan, Jumaat lepas.



Asahan bakal jadi bandar baharu

Oleh MOHD HAMZATUL AKMAR MD. ZAKARIA

ASAHAN 14 Jun - Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Asahan bakal dibangunkan menjadi Bandar Baru pada masa akan datang dan menjadi antara tumpuan kerajaan negeri sebagai kawasan tumpuan ekonomi.

Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron berkata, kawasan itu telah dikenal pasti mempunyai potensi pertumbuhan ekonomi melibatkan industri dan penempatan terbaharu seluas kira-kira 687 hektar.

Menurutnya, adalah tidak mustahil melihat kawasan DUN Asahan membangun dengan pesat dan ia haruslah dirancang

dengan rapi bagi memastikan ia dapat direalisasikan.

"DUN Asahan mempunyai potensi besar untuk dibangunkan menjadi Bandar Baru kelak memandangkan kawasan ini berdekatan sempadan negeri Johor dan Negeri Sembilan.

"Saya yakin sebuah pertumbuhan bandar baru akan berlaku di Asahan dan ia mampu menjadi kenyataan kerana sebelum ini orang tidak pernah menyangka Putrajaya yang dulunya sebuah kawasan estet mampu bertukar menjadi pusat pentadbiran kerajaan.

"Dengan situasi ekonomi yang stabil di negeri ini, saya percaya Asahan mampu menjadi salah satu titik

pembangunan baharu," katanya.

Idris berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke DUN Asahan di sini Jumaat lepas.

Hadir sama, isteri Ketua Menteri, Datin Seri Fadilah Abdullah; Exco Kerja Raya dan Kemudahan Awam yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan, Datuk Wira Abdul Ghafaar Atan; Ahli Parlimen Alor Gajah, Datuk Koh Nai Kwong dan para pemimpin tempatan.

Menurut Idris, beliau meletakkan kepercayaan kepada pemimpin kawasan DUN Asahan iaitu Abdul Ghafaar untuk mencari pelabur dan pengusaha yang berminat melabur di kawasan tersebut apabila

pembinaan bandar baru itu menjadi kenyataan.

"Proses mewujudkan sebuah bandar baru ini masih di peringkat awal, namun kita percaya penduduk di kawasan ini tidak akan mempunyai masalah apabila kerajaan negeri akan membuat proses pengambilan tanah di mana-mana lokasi yang difikirkan sesuai nanti.

"Saya juga menyeru kepada mereka yang berminat membeli hartanah di kawasan ini supaya berbuat demikian sekarang kerana sebaik saja kawasan ini dimajukan, nilai tanah akan menjadi tinggi.

"Saya percaya Asahan akan mampu berkembang sebagai sebuah pusat bandar dalam tempoh 10 tahun akan datang," katanya.

Pada majlis itu, Idris turut merasmikan upacara majlis pecah tanah pembinaan masjid baharu (Masjid Tun Khalil Yaakob) bernilai RM7

juta yang dijangka siap pada penghujung tahun 2016.

Pembinaan masjid baharu itu mampu memuatkan sejumlah 1,500 jemaah pada satu-satu masa menggantikan Masjid Al-Bukhari di Asahan yang bangunannya sudah uzur dan memerlukan pengubahsuaian yang banyak sekiranya mahu dibaik pulih.

Idris sebelum itu telah merasmikan Jambatan Penghulu Haji Haron sepanjang kira-kira 24 meter yang menghubungkan Jalan Sungai Dua dan Pekan Asahan.

Menurut beliau, jambatan bernilai kira-kira RM2.5 juta itu merupakan simbolik kepada usaha yang dilakukan bapanya iaitu Allahyarham Haron Hashim yang merupakan bekas Penghulu dan banyak membantu penduduk di sekitar Asahan.

Turut hadir ibu Idris, Rokiah Hassan dan kakak ipar Idris, Datuk Ramlah Dahili.

PELAN tapak pembinaan Masjid Tun Khalil Yaakob turut ditinjau Idris.



IDRIS ketika menyempurnakan upacara majlis pecah tanah pembinaan Masjid Tun Mohd. Khalil Yaakob.



IDRIS menyempurnakan sumbangan kepada salah seorang penerima.



Lebih 50,000 saksikan acara berprestij

MOHD Khalil turut melambai tangan kepada orang ramai ketika menaiki Bas Panorama Double Decker.

Melaka Parade meriah, penuh warna-warni

Oleh MOHD HAMZATUL AKMAR
MD. ZAKARIA
Foto FUAD RAMDAN

BANDARAYA MELAKA 14 Jun - Perarakan Melaka Parade 2015 yang diadakan

pada malam Jumaat lalu berlangsung meriah sekali gus menyaksikan sebanyak 93 pasukan berarak menggunakan pelbagai jenis kenderaan.

Lebih menarik, semua

kenderaan dihiasi dengan pelbagai jenis hiasan serta kerlipan lampu berwarna-warni, hasil kreativiti setiap jabatan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) di negeri ini.

Perarakan tersebut turut disertai oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Mohd Khalil Yaakob; Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron dan isteri, Datin Seri Fadilah Abdullah; barisan Exco dan para kenamaan negeri ini.

Memulakan perarakan seawal jam 10 malam, Mohd Khalil, Idris, barisan Exco dan para kenamaan yang mengetuai perarakan itu turut menyaksikan kehadiran lebih 50,000 pengunjung yang tertarik dengan pelbagai jenis ken-

deraan berhias mewarnai sekitar Jalan Hang Tuah Mall. Perarakan Melaka Parade 2015 kali ini, melibatkan perarakan beca berhias, kereta lembu, motosikal dan kenderaan elektrik dan pelbagai lagi.

Seramai 30 anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan 90 anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut ditempatkan di sepanjang laluan perarakan bagi tujuan kawalan keselamatan semasa perarakan berlangsung.

>>Lihat muka 4



Kelihatan antara peserta yang menggayakan pakaian tradisional pahlawan Melayu dalam perarakan tersebut.



MOHD Khalil dan Idris semasa berjalan di sepanjang Jalan Munshi Abdullah mengetuai Perarakan Melaka Parade 2015, malam Jumaat lalu.



TARIAN naga antara persembahan yang mewarnai Perarakan Melaka Parade 2015.



Antara wajah anak-anak muda yang turut sama terlibat dalam perarakan Melaka Parade 2015.



FADILAH bersama Exco Wanita, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan, Datuk Latipah Omar (kiri) kelihatan ceria ketika menyertai perarakan tersebut.



Mohd Khalil turut terima cenderamata penghargaan dari Isnin.



KUMPULAN Baba dan Nyonya ketengahkan pakalan tradisional mereka pada perarakan itu.

IDRIS melambai tangan kepada orang ramai ketika menaiki Bas Panorama Double Decker yang digunakan semasa awal perarakan.

Dari muka 3

Perarakan tersebut bermula di Hang Tuah Mall melalui Jalan Munshi Abdullah ke Jalan Bendahara, Jalan Tun Sri Lanang dan berakhir di Taman Rempah di sini.

Seramai 2,500 peserta terlibat dalam Perarakan Melaka Parade 2015 kali ini dan perjalanannya mengambil masa kira-kira tiga jam.

Selepas peserta perarakan tiba di Taman Rempah, tiba pula masa pengumuman keputusan kedudukan Pertandingan Bot Berhias sempena Festival Antarabangsa Sungai Melaka 2015.

Pasukan dari Jabatan Ketua Menteri Melaka berjaya

menjadi johan keseluruhan dengan mengondol hadiah wang tunai bernilai RM7,000 berserta trofi dan sijil penghargaan.

Manakala Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) menduduki tangga kedua sekali gus merangkul wang tunai RM5,000 berserta trofi dan sijil penghargaan.

Tempat ketiga diungguli Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan wang tunai RM3,000 berserta trofi dan sijil penghargaan.

Penganjuran Melaka Parade 2015 kali ini dianggap antara yang berjaya dan diharapkan akan lebih berprestij pada penganjuran akan datang.



Persembahan tarian 'Hakka' antara yang mencuri tumpuan.

Perarakan Melaka Parade 2015 kali ini turut melibatkan kereta lembu.



Seperti kebiasaan, para penunggang beca turut menghiasi perarakan kali ini.



Kerajaan prihatin keselamatan rakyat

SETIAP kali tiba musim perayaan di negara ini, kerajaan melalui agensi-agensinya menyediakan pelan persediaan dalam menjaga keselamatan pengguna jalan raya khususnya yang membabitkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Bomba dan Penyelamat dan pelbagai agensi lain.

Apa yang dilakukan adalah bagi memastikan pengguna jalan raya sentiasa berada dalam selamat semasa menggunakan jalan raya dan tidak menjadikan jalan raya sebagai

'sungai maut' dengan menyaksikan jumlah kematian yang banyak semasa musim perayaan khususnya.

Pada masa yang sama, pelbagai kempen telah dilakukan oleh kerajaan dalam mengingatkan pengguna jalan raya supaya sentiasa berhati-hati semasa berada di atas jalan raya tetapi jumlah tersebut masih memperlihatkan angka kematian dan kemalangan yang tinggi.

Sementara itu, pada musim perayaan sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini, JPJ akan menggunakan khidmat 50,570

anggota Skwad Muda 1JPJ bagi mengurangkan risiko kemalangan jalan raya pada Ops Raya sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Mereka akan ditempatkan di pondok yang akan dibina pada setiap jarak 50 kilometer di sepanjang jalan-jalan utama di seluruh negara seperti laluan Kuala Lumpur-Gua Musang-Kota Bharu.

Seramai empat orang akan ditempatkan di setiap pondok bagi membantu anggota JPJ memberi nasihat dan mengedarkan risalah mengenai keselamatan jalan raya.

Anggota Skwad Muda 1JPJ terdiri daripada bella termasuk pelajar lepasan universiti akan memberi khidmat secara sukarela.

Katanya, khidmat mereka penting berikutan jumlah kes kemalangan jalan raya sepanjang 2013 adalah sebanyak 477,204 kes lalu meningkat sebanyak 14,781 kes berbanding 2012 sebanyak 462,423 kes.

Jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya pada 2013 ialah sebanyak 6,915 orang berbanding 6,917 pada 2012 di seluruh negara.

Juara bot berhias Festival Antarabangsa Sungai Melaka

Elemen hijau serlah bot berhias JKMM



IMBAS kembali...Yang di-Pertua Negeri, Tun Mohd Khalil Yaakob turut menyaksikan perarakan bot berhias selepas merasmikan Festival Antarabangsa Sungai Melaka 2015 di Dataran Sungai Melaka, 31 Mei lalu.



IDRIS menyampaikan hadiah kepada Penolong Jurutera Unit Pengurusan Bangunan dan Aset BKP JKMM, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Saiful Nizam Usop.

Oleh MISROM MATLEHAM

BANDARAYA MELAKA 14 Jun - Kombinasi elemen hijau yang digarap kemas di sebalik keunikan Rumah Tradisional Melayu Melaka ternyata telah memberi kelebihan kepada bot berhias milik Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) untuk dinobatkan sebagai juara Pertandingan Bos Berhias Festival Antarabangsa Sungai Melaka 2015.

Tempat kedua dimenangi oleh bot berhias Majlis Perbandaran Alor Gajah dan tempat ketiga diraih oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Hadiah telah disampaikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron pada malam kemuncak *Melaka Parade* di Jalan Hang Tuah, Jumaat lalu.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Wira Naim Abu Bakar; Timbalan Exco Pelancongan, Pembangunan Pantai, Sungai dan Pulau-Pulau, Datuk Ghazale Muhammad; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM), Datuk Ir. Baharam Mohd serta Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Melaka Berhad (KMB), Isnin Aman.

Bot berhias JKMM dibina berasaskan kayu

sebagai elemen utama, manakala tingkap merupakan sebahagian daripada dinding yang boleh dibuka katup dan berfungsi untuk pengedaran udara serta pencahayaan sejajar dengan slogan Negeri Bandar Teknologi Hijau.

Terdapat juga elemen flora dengan menampilkan bunga kesidang sebagai bunga rasmi Negeri Melaka serta bunga raya bagi menghiasi bot berhias berkenaan.

Aspek kehidupan dan teknologi hijau yang menjadi amalan rakyat negeri ini digambarkan melalui elemen pokok dan tulisan *Go Green* yang diletakkan di bahagian belakang bot.

Sentuhan kreatif yang menyerlahkan kesepakatan dan kerjasama erat kakitangan JKMM khususnya Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) dan beberapa unit lain termasuk Pusat Sumber yang menghasilkan reka-an bot berhias berkenaan serta sokongan padu daripada SUK adalah resipi kepada kejayaan pasukan bot berhias JKMM yang pernah menduduki tempat kedua tahun lepas.

Sebanyak 21 agensi menyertai acara berprestij berkenaan yang menjadi sebahagian dari acara utama Festival Antarabangsa Sungai Melaka 2015.

Hanya 2.2 peratus rakyat derma darah



SUBRAMANIAM

KUALA LUMPUR 14 Jun - Hanya 2.2 peratus daripada keseluruhan rakyat Malaysia menderma darah berbanding 3.5 hingga lima peratus yang dicatatkan di negara maju, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam.

Beliau berkata, masih terdapat segelintir rakyat Malaysia yang takut menderma darah kerana

bimbang akan memudaratkan kesihatan.

Menurutnya, pada tahun lepas, sebanyak 675,315 beg darah berjaya dikutip daripada penderma darah di seluruh negara, yang telah diproses dan digunakan untuk merawat 337,807 pesakit yang memerlukan.

"Ini bermakna secara purata kita perlu men-

yediakan hampir 2,000 beg darah bagi kegunaan 925 pesakit setiap hari di seluruh negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Penderma Darah Sedunia peringkat kebangsaan 2015 di sini, hari ini.

Sehubungan itu, Dr. Subramaniam berkata, kesedaran rakyat negara ini mengenai pentingnya menderma darah perlu

sentiasa ditingkatkan meskipun jumlah penderma bertambah setiap tahun.

"Bagi mereka yang belum pernah menderma darah, mereka perlu diberi kesedaran yang lebih tinggi mengenai kebaikan menderma darah.

"Kadang-kadang orang ramai bimbang apabila derma darah ini

akan mendatangkan kesan sampingan dan sebagainya kepada mereka ... tidak perlu bimbang kerana pemeriksaan saringan akan dilakukan terlebih dahulu sama ada mereka boleh menderma darah atau tidak," katanya.

Pada bulan Ramadan tidak lama lagi, Dr. Subramaniam menggalakkan individu Mus-

lim yang ingin menderma darah untuk mengambil makanan yang agak berat semasa bersahur, dan menderma darah pada waktu pagi.

"Semua lapisan masyarakat digalakkan tampil menderma darah bagi membantu memastikan bekalan darah mencukupi di semua hospital pada bulan Ramadan," katanya. -BERNAMA



SEBAHAGIAN daripada *admln* Malacca Anglers Team yang menyertai aktiviti memancing santai di Jeti Marina Melaka, baru-baru ini.

Malacca Anglers Team santai di Marina Melaka

Oleh AMBRAN MOHAMED

BANDARAYA MELAKA 14 Jun - Persatuan memancing-pemancing Melaka Malacca Anglers Team telah menganjurkan pertandingan memancing bersama keluarga di lokasi berhampiran Jeti Marina Melaka di Kota Laksamana, baru-baru ini.

Pertandingan memabatkan

ahli-ahli persatuan itu termasuk dari Persatuan Snekhead Caster Club (SCC) dan Geng Cari Lubuk (GCL).

Penganjuran itu bertujuan mengeratkan lagi hubungan silaturrahim, berkongsi idea dan mempelajari ilmu-ilmu dalam dunia pemancingan.

Seramai 40 peserta menyertai

pertandingan itu pada Ahad lalu bermula jam 8.30 pagi dan berakhir pada 2.30 petang.

Malacca Anglers Team ditubuhkan dilaman sosial Facebook pada Mac 2014. Tujuan persatuan itu ditubuhkan bagi mengumpul semua pemancing-pemancing dalam Negeri Melaka dari sudut dunia pemancingan darat hingga ke laut.



URUS setia menimbang ikan yang berjaya dinaikan oleh peserta.

Jika harga barang naik buat aduan di pejabat penghulu

ALOR SETAR 14 Jun -Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) meminta orang ramai membuat aduan terhadap peniaga yang menaikkan harga barang pada bulan Ramadan nanti.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah berkata, aduan tersebut boleh disalurkan di lebih 600 pejabat penghulu dan pegawai di seluruh negara.

Beliau berkata, orang ramai perlu mengisi borang aduan yang disediakan dengan butir peribadi yang lengkap

bagi memudahkan penguat kuasa KPDNKK mengambil tindakan terhadap peniaga terbabit.

Pengadu tidak perlu bimbang kerana identiti mereka tidak akan didedahkan, katanya pada sidang media selepas perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi

Kospeta Malaysia Berhad di sini hari ini.

Ahmad Bashah berkata, ini kerana setiap kali pada bulan Ramadan dan musim perayaan peniaga yang tamak akan mengambil kesempatan dengan menaikkan harga yang tidak masuk akal sekali gus membebankan penggu-

na.

Katanya, lebih 100,000 anggota skuad pengguna 1Malaysia juga akan menjadi mata dan telinga pihak Kementerian dengan melaporkannya mengenai perbuatan tidak bertanggungjawab peniaga di negara ini.

-BERNAMA



SEMUA 29 penerima PJJ bergambar bersama Idris serta jemputan yang hadir.

PBTLDM dipelawa adakan aktiviti maritim di Melaka

Oleh AZHAR YUSOF

BANDARAYA MELAKA 14 Jun - Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron mempelawa Persatuan Bekas Tentera Laut Diraja Malaysia (PBTLDM) untuk mengadakan pelbagai aktiviti berkaitan maritim di negeri ini.

Ini kerana, katanya, di Melaka terdapat Muzium Maritim selain Muzium Kapal Selam dan ia boleh membantu ahli-ahli PBTLDM meneruskan perjuangan mereka dalam industri maritim sekali gus merencanakan lagi industri maritim di negeri ini.

"Pelbagai aktiviti berkaitan maritim memang sesuai diadakan di sini kerana segalanya berkaitan dengan maritim yang terdapat di sini.

"Sebagai contoh,

Muzium Kapal Selam yang dilengkapi dengan sejarah maritim berserta peralatan yang pernah digunakan dalam perkhidmatan Kapal Tentera laut Diraja Malaysia (TLDM) turut ada di sini.

"Oleh itu, ahli-ahli PBTLDM boleh menaruh harapan pada Negeri Melaka untuk meneruskan perjuangan mereka dalam industri maritim," katanya.

Idris berkata demikian semasa berucap merasmikan Mesyuarat Agung PBTLDM Kali Ke-8 di Hotel Wana Riverside di sini hari ini.

Hadir sama, Presiden PBTLDM, Onn Yas-sin; Yang Dipertua PBTLDM Melaka, Abu Bakar Jamal; wakil Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEVT), Majer Zulfadzi



SALAH seorang veteran TLDM menerima PJJ disampaikan Idris.

Zamri serta 145 perwakilan PBTLDM seluruh negara.

Idris berkata, ahli-ahli PBTLDM juga diharapkan dapat menyumbang kepada kesepakatan

serta menyumbangkan kepada perubahan dalam penambahbaikan ke arah kedudukan lebih sempurna berbanding masa-masa yang lalu.

Sementara itu, Onn

turut mempelawa lebih 50,000 bekas-bekas anggota TLDM seluruh negara menyertai PBTLDM agar kebajikan mereka dan keluarga lebih terbel.

"Pada masa ini, kira-

kira 4,000 bekas tentera laut yang menyertai persatuan ini dan mereka telah menerima banyak kemudahan termasuk bantuan pelajaran anak-anak mereka.

"Persatuan ini baru saja ditubuhkan lapan tahun lepas dan kita sedang berusaha meningkatkan lagi penyertaan bekas tentera laut kerana banyak keistimewaan bakal diterima, sebagai contoh bantuan pelajaran anak-anak.

"Kita juga telah minta perwakilan di setiap negeri mencari bekas tentera laut ini dan beri penerangan dan makluman kepada mereka mengenai persatuan ini," jelasnya.

Pada majlis tersebut, seramai 29 bekas anggota TLDM menerima Pingat Jasa Malaysia (PJM) yang disampaikan Idris.



ANTARA perwakilan PBTLDM yang hadir pada Mesyuarat Agung PBTLDM Ke-8 di Hotel Wana Riverside, semalam.

Zakat fitrah kekal RM6.70

AYER KEROH 14 Jun - Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron berkata, kadar zakat fitrah di negeri ini dikekalkan RM6.70 seperti tahun lalu.

Katanya, ia berikutan pihak Pusat Zakat Melaka (PZM) telah mencapai angka kutipan yang lebih berbanding tahun lalu setakat Jun ini.

"Tahun lalu, kita mendapat kutipan sejumlah RM53 juta dan tahun ini, kita kutipan boleh mencecah hingga

RM60 juta.

"Kita tidak menaikkan kadar zakat fitrah atas sebab kita dapat mengutip zakat lain seperti zakat harta, zakat pendapatan dan sebagainya bagi menampung bahagian zakat tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan *Melaka International RC Powerboat Race 2015* di Tasik Ayer Keroh di sini Jumaat lalu.

Fokus
Usahawan

Bakat seni Joriah cukup mengujakan

Aura pakar sulaman

Oleh NURFATEHA OTHMAN

Bekas Pensyarah Maktab Perguruan Keningau, Sabah ini langsung tidak menyangka akan menguasai ilmu sulaman reben, manik dan ukiran pinggan *decoupage* selepas bersara dari perkhidmatannya.

Kerana kemahiran menguasai ilmu kraf tangan itu juga, bekas guru bahasa Melayu, Matematik dan Pendidikan Seni Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Mutahir ini terkenal seantero dunia lantaran kraf tangan diusahakan mengkagumkan.

Tidak hanya cantik, ukiran pinggan *decoupage* kerja tangannya dipuji warga Britain sekalipun negara Britain pakar dan tempat bermulanya seni *decoupage*.

Itulah aura Joriah Johan,

sudah siap, tetapi mereka membeli barang-barang untuk menghasilkan hiasan dan membuatnya sendiri.

"Dari situ, saya dekati mereka belajar ukiran *decoupage*, mereka tidak kedekut ilmu dan ajar saya dari cara pilih pinggan hingga mengukir dan kerajinan pinggan," kata Joriah semasa ke Beijing, dia belajar sulaman reben dan manik.

"Biasalah, kalau Beijing mesti ada aktiviti beli-belah dan saya tidak terkecuali membeli cadar sulaman hasil kerja tangan mereka.

"Namun, semasa pemandu pelancong bawa kami ke kawasan seni kraf tangan di sana, saya cuba sendiri menyulam reben dan manik selepas pengusaha kraf tangan di sana memelawa saya mencuba.

kepakaran mereka," ujarnya sambil tersenyum.

Mengenakan harga berpatutan, Joriah menjelaskan, dia mengenakan bayaran RM90 untuk sepasang bantal kecil bersulam, RM20 sebuah sebiji tudung saji bersulam dan RM280 sepasang untuk kasut manik pelbagai saiz.

"Bagi set cadar reben dan ukiran *decoupage*, lihat saiz ukiran. Jika besar atau rumit, pasti akan harganya berbeza.

"Ini kerana barang keperluan menghasilkan kraf tangan lebih-lebih lagi *decoupage* dibeli di luar negara termasuk tempahan dalam talian," jelasnya.

Joriah juga mengaku kini sedang menyiapkan tempahan jam dinding *decoupage* yang ditempah dari individu di utara tanah air, sulaman reben bantal kecil ditempah dari Kuala Lumpur dan sulaman kasut manik ditempah wanita Britain.

"Wanita Britain tempah menerusi *online* dan mahu pakai kasut manik ini untuk majlis perkahwinan anaknya.

"Ukiran jam dinding *decoupage* ditempah individu yang mahu menghadiahkan sesuatu yang unik dan istimewa kepada kenalan terdekatnya," katanya hasil seni krafnya juga mekar terkenal di negara Asia seperti Singapura, Indonesia, Brunei selain gagah menguasai pasaran seni kraf tangan seluruh Malaysia.

Guru terlatih

Berbicara mengenai pendapatannya, Joriah yang kini dibantu seorang pekerja Orang Kelainan Upaya (OKU), Rashed Adam, 23, bersyukur kerana hasil jualan kraf tangan diusahakannya membanggakan.

"Hasil seni kraf tangan yang saya usahakan sekarang berbaloi kerana ia datang dari hasil kerja tangan saya sendiri," katanya.

Kini, Joriah merupakan guru seni kraftangan terlatih dan sering diundang memberikan ceramah dan kelas khas kraf tangan bukan sahaja di Melaka, tapi seluruh Malaysia.

Joriah boleh dihubungi di JoriahJohan@



JORIAH menyiapkan sulaman reben bantal kecil semasa dikunjungi MHI.



ANTARA kerja tangan *decoupage* Joriah.

blogspot.com atau akaun Facebook menerusi nama 'JoRIAH' atau alamat email Jcahaya@yahoo.com.

JORIAH bangga sulaman kasut manik hasil kerja tangannya telah mengembara seluruh dunia.



SEBAHAGIAN hasil kerja tangan Joriah.

63, anak Melaka yang menjadi pilihan *Melaka Hari Ini* (MHI) untuk mengisi ruangan Fokus Usahawan minggu ini.

Dalam pertemuan bersamanya di kediamannya di Lorong Pandan baru-baru ini, Joriah berkata, langkah awalnya dalam seni kraf tangan bermula ketika melancong ke luar negara kira-kira 10 tahun lepas.

Kepada MHI juga, dia menceritakan bagaimana dia dihujani tempahan kraf tangan dari hari ke hari dari mula penglibatan hingga hari ini.

Unik, menarik

Memulakan bicara, Joriah mengakui London, Paris dan Beijing menyimpan kenangan bagaimana permulaan terlibat secara langsung dalam bidang kraf tangan.

"Melancong dan berpeluang tinggal di kawasan kejiranan di London dan Paris pada tahun 1999 adalah permulaan.

"Saya lihat wanita desa di London serta Paris mahir hiasan dekorasi rumah, mereka tidak membeli hiasan

"Selepas menyulam beberapa kali, mereka (pengusaha kraf tangan Beijing) puji sulaman saya serta minta kawan-kawan mereka ikut corak sulaman saya pula," katanya ketawa.

Katanya, pulang dari ketiga-tiga lokasi pelancongan menarik itu, dia nekad menceburkan diri dalam bidang kraf tangan.

Limpahan rezeki

Selepas mencuba hasilkan kraf tangan beberapa kali kata Joriah, dia mula mendapat tempahan sulaman reben untuk cadar, bantal kecil selain kasut manik dan ukiran *decoupage*.

"Sejak beberapa tahun lepas hingga hari ini memang tidak putus-putus terima tempahan bukan saja dari rakan-rakan, tetapi dari luar negara termasuk London.

"Terfikir juga mereka di sana pakar hasilkan *decoupage*, tetapi hasil kerja wanita Melayu ini yang mereka tempah pelik, namun gembira kerana sekurang-kurangnya mereka tahu wanita Melayu serba boleh mampu menan-dingi

Susunan : AZHAR YUSOF Sumber : Facebook Suntingan grafik : HANALIZA JUMINGAN



PESERTA Kem Subjek Pentafsiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2015 dalam Bahagian Bukit Katil bergambar beramal-ramal bersama Ketua UMNO Bahagian itu, Senator Tan Sri Mohd Ali Rustam yang hadir merasmikan kem itu anjuran Biro Pendidikan UMNO terbabit bersama Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Melaka di Kolej Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI), Sabtu lalu.



ADUN Ayer Limau, Datuk Amirudin Yusof menyampaikan Bantuan Persediaan Ramadan dan Fidyah sumbangan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) di Masjid Tok Janggut,



ADUN Rim, Datuk Ghazale Muhamad menyampaikan watikah pelantikan Penak Keshihatan di Klinik Kesihatan Sempang Bekoh, Sabtu lalu.



KAKITANGAN Japerun Durian Tunggal membungkus buah kurma untuk diedarkan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dan masjid-masjid sekitar DUN Durian Tunggal di Kompleks Japerun Iu sempena kedatangan bulan Ramadan, Jumaat lalu.



ADUN Rembia, Datuk Norpipah Abdol; Ahli Parlimen Alor Gajah, Datuk Koh Nai Kwong dan Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri, Mohd Fadzil Hassan bergambar bersama motosikal berkuasa tinggi yang dipamerkan sempena program Pengarah JPJ Bertemu Pelanggan di Kampung Pengkalan Alor Gajah, Sabtu lalu.



KETUA Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Kota Melaka, Haryaty Hamdzhah bersama Jawatankuasanya menyampaikan sumbangan kepada warga emas yang terlibat banjir kilat di sekitar Semabok, Khamis lalu.



PESERTA Pertandingan Gubahan Sirih Junjung menunjukkan hasil kerja tangan mereka sempena Sukan Warisan Rakyat, Pertubuhan Seni Budaya dan Warisan Bangsa 2015 Melaka di Anjung Batal Klasik, Kampung Melaka Pindah, baru-baru ini.



ADUN Paya Rumpit, Datuk Sazali Muhd Din bersama Pengerusi Yayasan Anglin Ahmal Melaka, Datuk Hasnah Salam menziarahi seorang pesakit anglin ahmar di Taman Paya Rumpit, Khamis lalu.



PENDUDUK Perkampungan Orang Asli Bukit Payung bergambar beramal-ramal bersama Ahli Masyarakat dan Pendidikan Kesihatan Payudara di perkampungan itu, Sabtu lalu.



SEBAHAGIAN 6,000 pengunjung yang hadir mendengar ceramah sempena Forum Perdana Menjelang Sinar Ramadan di Dataran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Rabu lalu.



ADUN Machap, Datuk Lal Meng Chong mengahayakan sumbangan kepada orang ramal selepas merasmikan Kempen Kesihatan Payudara di Stesen Minyak F-One Lynazfea, Jumaat lalu.



kerja tangan mereka
Pernikahan Bangsa 1Malaysia
ini.



mal bersama ADUN Taboh Naning, Datuk Latipah Omar yang hadir merasmikan program Khidmat
u lalu.

PENGERUSI Japerun Bukit Baru, Datuk Md. Sirat Abu serta jawatankuasa Biro Agama UMNO Bahagian Bukit Katil bergambar bersama Ustaz Datuk Mohd Najmuddin Elias Al-Hafiz yang hadir sebagai ahli panel pada Forum Perdana Menjelang Sinar Ramadan di Dataran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Rabu lalu.



AHLI-ahli kumpulan Qasidah Al-Najmi semasa mengalunkan qasidah mereka sempena Forum Perdana Menjelang Sinar Ramadan di Dataran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Rabu lalu.



g Chong mengagihkan kemaja-T serta cenderahati
erasmikan Kempen Keselamatan Petroleum anjuran
am Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)
ea, Jumaat lalu.



PESERTA Klinik Cubprix bergambar bersama Ketua Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Kota Melaka, Haryaty Hamzah yang hadir merasmikan klinik itu di Dewan Terbuka, Taman Seri Duyong, Sabtu lalu.



EXCO Penerangan, Komunikasi dan Koperasi, Datuk Wira Latiff Tamby Chik dan Exco Kesihatan dan Pembangunan Sukan, Datuk Ab. Rahaman Ab. Karim bergambar bersama jawatankuasa Kobena Berhad sempena mesyuarat agung koperasi itu di Hotel Bayview, Sabtu lalu.



ADUN Kuala Linggi, Datuk Ar. Ismail Othman menziarahi warga emas, Temah Samah di Kampung Permatang Indah sempena program Ziarah Kasih, Jumaat lalu.



PERSEMBAHAN boria sempena Malam Kebudayaan Pertubuhan Seni Budaya dan Warisan Bangsa 1Malaysia Melaka di Anjung Balai Klasik, Kampung Melaka Pindah, baru-baru ini.



BECA-beca berhias ketika melintasi pentas utama pada Perarakan Melaka Parade sempena Festival Antarabangsa Sungai Melaka 2015 di Hang Tuah Mall, Jumaat lalu.



JAWATANKUASA Penyelaras Pergerakan Puteri dan Pemuda UMNO DUN Rembia bergambar bersama ADUNnya, Datuk Norpipah Abdol yang hadir menyampaikan hadiah sempena Pertandingan Boling Piala ADUN Rembia di Pusat Boling Antarabangsa Melaka (MIBC), Sabtu lalu.



ADUN Gadek, Datuk M.S. Mahadevan menziarahi T. Pragash yang terlibat dalam kemalangan di Taman Pengkalan Indah, Sabtu lalu.



AMRAN ketika menyampaikan ceramahnya pada Forum Bicara Ad Din sempena Festival Antarabangsa Sungai Melaka 2015 di Taman Rempah, Khamis lalu.



OTHMAN (tengah), Yaakub, Amran bersama tetamu jemputan bergambar bersama selepas program berkenaan.

Tarik minat belia:

Program agama perlu diperhebat

Oleh FUAD RAMDAN

PENGKALAN RAMA 14 Jun - Didikan dan program agama yang kurang menarik perhatian golongan belia merupakan punca kes jenayah meningkat dalam kalangan mereka (belia).

Pendakwah bebas, Ustaz Zulkifli Ahmad

berkata, belia akan menjadi pemimpin masa depan dan mereka perlu diberi pendedahan yang sempurna dalam ilmu agama dan juga ilmu dunia.

Menurutnya, terlalu banyak program melibatkan belia yang tiada pengisian agama, menjadikan mereka lalai akan

tuntutan mempelajari ilmu agama.

"Golongan belia pada hari ini perlu dididik menggunakan pendekatan yang menarik supaya mereka minat untuk hadir ke forum agama, katanya pada Forum Bicara Ad Din sempena Festival Antarabangsa Sungai Melaka

2015 di Taman Rempah di sini Khamis lalu.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan terhadap golongan belia yang mahu program agama diadakan, tetapi malas berpakaian lengkap.

Sementara itu, pendakwah bebas, Ustaz Amran Yusoff berkata,

belia perlu banyak bertanya soalan yang mendatangkan kemusykilan terutama isu melibatkan hadis-hadis palsu yang cepat tersebar melalui media sosial WhatsApp dan Facebook.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Othman

Muhamad; Timbalan Exco Pelancongan Pembangunan Sungai, Pantai dan Pulau-Pulau, Datuk Ghazale Muhamad; Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Datuk Wira Yaakub Md. Amin dan Imam 1 Masjid Selat, Ahmad Hafizul Azim.

MBMB anjur kursus bela diri

Oleh IBRAHIM IDRIS

BANDARAYA MELAKA 14 Jun - Kursus Bela Diri Dengan Tangan Kosong @ Betakos mampu melahirkan anggota pegawai penguat kuasa yang berketerampilan dengan memiliki semangat jati diri menerusi ilmu mempertahankan diri.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Mohd Irwan Samad berkata, anggota mampu menjalankan tugas diamanahkan untuk mendaulatkan undang-undang dan menjaga ketenteraman awam dengan lebih selamat.

Menurutnya, ia merupakan gandingan ilmu dari jenis lama dan baharu yang lebih menampakkan keserasian agar dapat digunakan pakai secara selamat dan lebih meyakinkan.

"Anggota tidak perlu gusar ketika berdepan kumpulan sasar yang bertindak cuba membelakangkan undang-undang, pada masa sama menjaga keselamatan orang ramai," katanya.

Mohd Irwan berkata demikian ketika merasmikan Kursus Bela Diri Dengan Tangan Kosong @ Betakos di Hotel Sentral di sini baru-baru ini.



مجلس باندراي ملاك برسجاره
MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN TENDER (TENDER SEMULA)

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod dan bidang pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TENDER DITUTUP
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR POKOK-POKOK UTAMA, PALMA DAN BUAH-BUAHAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (TENDER SEMULA)	RM100.00 <small>(Tidak akan dikembalikan)</small>	Kaunter Jabatan Pengindahan Bandar, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Aras 2, Bangunan Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. ISNIN, 22 JUN 2015 hingga ISNIN 13 JULAI 2015 pada waktu pejabat	KEMENTERIAN KEWANGAN 070201 (Tanaman/Baka/Benih Semaian)	RABU, 17 JUN 2015, Jam 9.30 pagi di DEWAN TAMING SARI Taktimat Tapak adalah DIWAJIB.	Isnin, 13 JULAI 2015 pada jam 12.00 tengah hari Dokumen tender yang lewat diterima tidak akan dilayan

Naskah sebut harga boleh disemak di Kaunter Jabatan Pengindahan Bandar, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Aras 2, Bangunan Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka pada waktu pejabat bermula 22 JUN 2015. Bayaran Dokumen Sebut harga hendaklah di buat dalam bentuk Tunai, Draf Bank atau Kiriman Wang di atas nama Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (bayaran ini tidak akan dikembalikan). Bagi yang menghantar wakil hendaklah membawa surat wakil yang asal. Pihak tuan boleh melayari laman web MBMB di www.mbmb.gov.my untuk melihat kenyataan sebutharga ini.

Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan hendaklah dihantar secara serahan tangan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH,
Jabatan Pengindahan Bandar,
Aras 2, Graha Makmur,
No. 1, Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.



ABU Bakar bersama Rela pada program Khidmat Bakti Rela Daerah Melaka Tengah di Dewan Anugerah Desa Cemerlang, Sungai Udang.

Program Khidmat Rela Bakti di Parujas

50 anggota Rela bantu kawal haiwan perosak

Oleh FUAD RAMDAN

SUNGAI UDANG 14 Jun - Seramai 50 anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) Melaka Tengah menjalankan operasi menembak kera dan tupai yang mengancam tanaman penduduk Paya Rumput Jaya (Parujas) pada Program Khidmat Rela Bakti di Dewan Anugerah Desa Cemerlang, Paya Rumput Jaya di sini, Sabtu lalu.

Program anjuran Jabatan Perlinggungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Parujas itu bertujuan memastikan kebersihan dan keceriaan kawasan tersebut terpelihara.

Penolong Pesuruhjaya Rela

Melaka Tengah, Ismail Abdul Raman berkata, khidmat Rela amat diperlukan selain tentera dan polis bagi membantu menjaga keselamatan negara selain membantu meringankan masalah penduduk.

Katanya, 50 anggota Rela yang hadir dalam operasi tersebut telah dibagikan kepada tiga kumpulan untuk menembak mati haiwan perosak yang kelihatan.

Hadir sama Pengerusi JKKK Parujas, Noorhayati Abu Noor; Pegawai Perhilitan negeri, Hafzan Suhaimi dan Penguasa Rela daerah, Mohd Hidayat Sakaria.

Majlis penutup disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohd Diah.



NOORHAYATI (tiga, kanan) bersama Hafzan (kanan) dan Mohd Hidayat (tiga, kiri) merasmikan Program Khidmat Rela Bakti di Dewan Anugerah Desa Cemerlang, Paya Rumput Jaya, Sabtu lalu.

Xin Jong galas cabaran negara ke WSC



XIN Jong (kiri) bakal membawa cabaran Malaysia ke WSC di Sap Paulo, Brazil.

DURIAN TUNGGAL 14 Jun - Seorang pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah terpilih untuk membawa cabaran negara dalam pertandingan *World Skills Competition (WSC)* 2015 yang akan berlangsung di Sao Paulo Brazil pada 5 hingga 19 Ogos akan datang.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perancangan dan Perhubungan Canselor UTeM, pelajar tersebut, Lim Xin Jong 19, dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) terpilih untuk mewakili negara pada pertandingan tersebut setelah berjaya meraih kemenangan di *ASEAN Skills Competition (ASC)* yang telah berlangsung di Vietnam pada 2014 yang lalu.

Pada pertandingan WSC 2015 itu nanti, Lim akan mewakili negara dalam kategori teknologi maklumat (IT) dan

komunikasi melibatkan pengurusan rangkaian IT, teknologi reka bentuk grafik, reka bentuk laman web dan penyelesaian IT untuk perniagaan.

Pertandingan WSC tersebut akan memperlihatkan setiap peserta akan mempersembahkan tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi, pembinaan dan teknologi bangunan, pembuatan dan teknologi kejuruteraan, seni kreatif dan fesyen serta teknologi automotif.

Sebagai persediaan untuk menghadapi pertandingan ini, seramai tiga pensyarah FTMK diketuai Yahya Ibrahim, Syarifianor Hisham dan Emaliana Kasimuri telah dilantik sebagai jurulatih untuk memberi bimbingan dan latihan insentif kepada Lim.

Mengulas lanjut, Yahya memberitahu, pihaknya yakin melalui komitmen

yang tinggi daripada peserta dan jurulatih akan dapat memastikan kordinasi latihan, persediaan mental dan emosi peserta berada di tahap yang tinggi sekali gus meraih kejayaan dalam pertandingan tersebut.

Pertandingan itu merupakan platform terbaik kepada UTeM untuk memberikan pendedahan dan pengalaman berguna kepada pelajarinya serta mengharumkan nama universiti dan negara di persada antarabangsa.

Sementara itu, Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib ketika ditemui turut melahirkan rasa bangga di atas pencapaian pelajar tersebut yang mencerminkan komitmen universiti itu dalam melahirkan modal insan berkemampuan tinggi dan mampu meletakkan nama UTeM sebagai institusi pengajian teknikal yang tersohor di rantau ini.

Parlimen Jasin dapat dua masjid baharu

JASIN 14 Jun - Umat Islam di dua buah kampung dalam Parlimen Jasin boleh menarik nafas lega apabila kerajaan menerusi Jabatan Perdana Menteri meluluskan



AHMAD

peruntukan RM8 juta bagi membina dua masjid baharu di tempat mereka.

Ahli Parlimen Jasin, Datuk Wira Ahmad Hamzah berkata, kerja pembinaan yang dijangka dapat dilaksanakan menjelang akhir tahun ini membabitkan masjid baharu di Kampung Pulau, Serkam bernilai RM4.46 juta dan Kampung Chabau sejumlah RM3.5 juta.

Katanya, pembinaan baharu itu susulan pertambahan penduduk Islam, ditambah pula kewujudan beberapa lagi taman perumahan di kedua-dua kampung berkenaan.

"Kami (penduduk Jasin) berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Mohd Najib Tun Razak yang meluluskan peruntukan itu termasuk beberapa lagi kelulusan sebelum ini membabitkan pembinaan masjid baharu di Kampung Tedong dan Sungai Rambai.

"Insya-Allah, tiga lagi permohonan sudah dibuat kepada kerajaan bagi membina dua masjid baharu di Pekan Bemban serta Kampung Tehel dan pengubahsuaian serta pembesaran membabitkan Masjid FELCRA Lembah Kesang," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini kelmarin.

Sementara itu, ahli jawatankuasa Pembinaan Masjid Ar-Rahman (Baru) Kampung Pulau mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Rombongan diketuai Pengerusinya, Datuk Seman Deros dan turut disertai Ahli Dewan Negara merangkap Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Tan Sri Dr. Ibrahim Abu Shah dan Pengerusi Masjid Ar-Rahman Kampung Pulau, Ashaari Johari.

Ketibaan mereka disambut Setiausaha Politik Shahidan, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman.

Kunjungan itu bertujuan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang meluluskan peruntukan bagi membina masjid baharu kampung berkenaan.



Abdul Razak (tengah) menunjukkan pelan lakar masjid baharu sambil disaksikan Seman (kanan) dan Ibrahim.

مجلس باندرای ملاک برسجاره MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebutharga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembiayaan Malaysia (LIPIM / CIDB)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :-

BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA	HARGA DOKUMEN SEBUT HARGA	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP
MEMBEKAL DAN MEMASANG 'HANDRAIL' DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAMPUNG PORTUGIS, MELAKA	RM20.00 <small>(Tidak akan dikembalikan)</small>	Kaunter Ukur Bahan Dan Kontrak, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Aras 4, Bangunan Teknikal Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. Selasa, 16 Jun 2015 hingga Rabu, 24 Jun 2015 pada waktu pejabat.	Gred G1 (Taraf Bumiputera) Kategori CE Pengkhususan CE2T	Selasa, 16 Jun 2015 Jam 9.30 pagi Berkumpul di Kantin Kompleks Logistik MBMB, Batu Berendam Lawatan tapak adalah DIWAJIBKAN Kontraktor yang menghadiri lawatan tapak perlu membawa salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)	Khamis, 25 Jun 2015 pada jam 12.00 tengah hari Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dilayan

Naskah sebutharga boleh disemak di **Kaunter Ukur Bahan Dan Kontrak, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Aras 4, Bangunan Teknikal Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka** pada waktu pejabat bermula **Selasa, 16 Jun 2015**. Bayaran Dokumen Tawaran hendaklah di buat dalam bentuk **Tunai, Draf Bank atau Kiriman Wang** di atas nama **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah** (bayaran ini tidak akan dikembalikan). Kontraktor dikehendaki membawa **Sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** dan satu salinan bagi setiap Sijil tersebut semasa mengambil dokumen sebutharga. **Bagi yang menghantar wakil hendaklah membawa surat wakil yang asal.** Pihak tuan boleh melayari laman web MBMB di www.mmb.gov.my untuk melihat kenyataan sebutharga ini.

Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan hendaklah dihantar secara serahan tangan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat :-

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH,
Jabatan Kejuruteraan Dan Alam Sekitar,
Kaunter Ukur Bahan Dan Kontrak,
Aras 4, Bangunan Teknikal Graha Makmur,
No. 1, Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.

Rapat tapi cuma sahabat!

BANYAK benar kontroversi artis-artis kita ni menjelang Ramadan kali ini. Sepatutnya Ramadan ini mesti banyak cerita elok-elok, ini tidak.

Yang gambar separuh bogel *selfie* depan cermin tersebar la, kisah fail cerai la, kisah tetap tak mahu cerai isteri walau mahkamah negara jiran sudah putuskan permohonan fasakh isteri sah la, kisah artis tipu kawan-kawan la dan macam-macam lagi.

Dan kes tak mengaku bercinta sedangkan sedang sakan ber *love u* pun banyak, bersepah-sepah.

Macam cerita hiburan kali ini mengenai Kamal Adli dan Emma Maembong. Mereka berdua ni 'gila' punya nafi bercinta, tapi diam-diam keluar berdua.

Nafi intim berkasihan, tetapi gambar *selfie* berdua melambak-lambak.

Hanya mengaku kawan biasa, tapi makan di kedai mamak siap manja-manja lagi. Kalau bercinta mengaku sajarah, tak payah sorok-sorok sebab lambat laun orang tahu juga.

Mungkin disebabkan mahu lebih 'privacy' Kamal Adli dalam satu kenyataan kepada portal berita *Mstar Online* mengesahkan tidak mahu bergambar berdua dengan Emma dalam mana-mana sesi fotografi akhbar atau majalah.

Menerusi portal itu, Kamal berkata, keputusan itu dibuat demi mengelakkan hubungan mereka terus disalahtafsirkan oleh semua pihak sekalipun tidak menafikan Emma adalah wanita yang paling rapat dengannya ketika ini.

Kamal kepada portal berita itu tetap dengan pendiriannya apabila hanya mengelaskan hubungannya dengan Emma sebagai sahabat baik.

"Kami masing-masing ada pengalaman pahit dalam percintaan sebelum ini dan lebih baik bersahabat saja buat masa sekarang.

"Tidak ada apa yang ingin kami sorokkan dan meletakkan soal jodoh kepada ketentuan Allah," jelas Kamal.

Emma juga senada dengan Kamal apabila memberitahu, dia senang bersahabat dengan lelaki berkenaan.

"Benar kami rapat, tetapi sebagai sahabat dan saya senang dengan sikapnya yang sentiasa menjadi diri sendiri," kata Emma.

Tengok, masing-masing berat mahu mengaku. Kalau boleh tak payah sorok sangat dik. Mulut mungkin kata kawan, tapi hati kata cinta.

Lebih baik berterus terang kerana Allah suka hambaNya yang berterus terang, jujur dan tidak cagak berdolak-dalik.

Salam Ramadan..!



KAMAL tolak bergambar bersama Emma dalam mana-mana sesi fotografi akhbar atau majalah.

ZAHID AF sanggup tinggal kerjaya sebagai penyampai radio demi bidang nyanyian.



Zahid tinggalkan konti Era FM

SELEPAS empat tahun mendambakan diri di konti radio, Zahid AF akhirnya membuat keputusan menamatkan kariernya sebagai penyampai Era Fm.

Zahid menerusi portal berita *Mstar Online* dipetik berkata, dia terpaksa meninggalkan kerjaya penyampai radio dengan mengakhiri tugasnya pada April lalu demi memberi tumpuan dan perhatian penuh kepada karier nyanyian yang semakin lama semakin pudar.

Akui Zahid, disebabkan masih mencintai dunia nyanyian, dia kini telah melancarkan lagu dalam bentuk 'single' terbaharu bertajuk 'Biasa' di mana penerbitan lagu itu mendapat kerjasama dari Kopi Wanda.

"Saya sendiri membuat keputusan berhenti selepas empat tahun berkhidmat sebagai penyampai Era FM kerana risau lagu saya tidak akan dimainkan di radio-radio lain.

"Apabila saya menjadi seorang penyanyi dan bekerja di sebuah stesen radio, ia dilihat suatu persaingan kepada stesen lain, jadi saya ambil keputusan untuk berhenti agar lagu saya nanti akan dimainkan di stesen-stesen radio lain," katanya.

Zahid mengakui dia teringin untuk kembali aktif dalam bidang nyanyian sejak masih bersama Era

FM lagi.

"Sejak tahun lepas ketika masih bersama Era Fm, saya fikir untuk menyanyi semula kerana minat sejak dulu lagi dan saya ingin mempunyai lagu sendiri.

"Berat membuat keputusan meninggalkan Era Fm kerana pelbagai pengalaman diperoleh ketika menjadi penyampai radio, namun saya percaya ini semua rezeki yang sudah tertulis," kata Zahid yang mengakui inilah masa untuknya membina semula kerjayanya.



Tasha Shila bikin hal lagi

Suntingan Grafik ISZUDIN ISHININ

Susunan NURFATEHA OTHMAN



TASHA dikaitkan sebagai wanita yang beraksi tidak senonoh dalam beberapa foto tersebar waktu ni.

CERITA mengenai Tasha Shila. Kontroversi terbaharunya sudah mula diperkatakan. Ini bukan kisah dia bercinta semula dengan bekas kekasihnya Hans, tetapi kisah gambar.

Sedang riuh kecoh gegak gempita satu 'buana' yang mendakwa kononnya beberapa keping gambar 'kurang elok' yang memang tengah tersebar di alam maya adalah foto Tasha Shila.

Dipetik dari portal hiburan *Rotikaya*, gambar itu mula tersebar sejak 24 jam lalu dan Tasha dikaitkan dengan wanita yang beraksi di dalam gambar tersebut.

Tasha didakwa sebagai wanita yang beraksi dalam foto tersebar itu apabila beberapa individu telah meninggalkan



komen pedas di akaun *Instagram* pelakon wanita itu yang merujuk kepada gambar-gambar tersebut.

Tidak dapat dipastikan sama ada benar-benar Tasha

atau tidak, tetapi ramai pihak di luar kini menuding jari kepada pelakon wanita itu dengan menuduh dia tidak senonoh dan tidak menghormati dirinya yang beragama Islam.

Sehingga artikel ini ditulis, Tasha masih belum memberikan sebarang kenyataan berhubung gambar-gambar tidak senonoh itu.

Apa pun, marilah kita nantikan kenyataan Tasha mengenai gambar-gambar itu. Sama ada dia menafikan atau mengiakan, kenyataan Tasha adalah penting demi maruah dan mungkin membersihkan namanya jika dia tidak terlibat.

Nohtak cinta Erma Fatima, Bade

MUNGKIN ini sudah bersabar dan bertahan begitu lama. Dan tiba satu masa, benteng pertahanan dan kesabarannya mulai rapuh hingga mendorongnya mengambil keputusan yang selama ini pernah dinafikan.

Itulah Erma Fatima. Desas-desus keretakan rumah tangga pengarah

tersohor Erma Fatima dan suaminya, Badaruddin Azmi menemui kemuncak apabila dia dilaporkan memfailkan permohonan cerai, petang Khamis lepas.

Menerusi portal hiburan *Rotikaya*, Erma dan suami yang telah berumah tangga selama 24 tahun memfailkan perceraian itu di pejabat Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur.

Badaruddin lebih terkenal dengan panggilan Bade, bagaimanapun tidak hadir pada sebutan pertama kes perceraian mereka itu.

Disebabkan kegagalan untuk hadir, hakim yang mendengar kes pasangan ini membenarkan Erma Fatima mengeluarkan notis amaran terhadap suaminya.

Erma dan Bade bernikah pada 30 November 1990

dan sepanjang berkahwin, pasangan ini tidak dikumiakan cahaya mata.

Bagaimanapun, mereka telah membela lima anak angkat berumur antara sembilan hingga 22 tahun.

Erma dan Bade mencuri perhatian umum apabila membenarkan suaminya berkahwin lain dengan wanita yang juga terlibat dalam kerja-kerja produksi

dikenali dengan nama Aida.

Perkahwinan kedua Bade dan Aida yang berlangsung awal 2014 dikumiakan seorang cahaya mata lelaki hujung tahun lalu bernama Jihad yang kini sudah pun berusia enam bulan.

Pasangan ini juga sebelum ini pernah menafikan bakal bercerai dan Bade dalam kenyataan kepada media berkata, dia tetap sayangkan Erma sekalipun telah berkahwin lain.

ERMA Fatima akhirnya telah memfailkan permohonan cerai terhadap suaminya, Khamis lepas.



DAM..DIM..DUM
RAYA LAGI!!
(ONLINE SHOP GATEWAY)
3-12 JULAI 2015
12.00 - 12.00
TENGAHARI MALAM
HUNYAN TERDESAK ONLINE SHOP DI MELAKA
HALL A, MENARA MITC
MELAKA INTERNATIONAL TRADE CENTRE
AYER KEROH, MELAKA
RUANG PERNIAGAAN VENDOR DISIKA UNTUK TEMPAHAN
#10x10m Booth
#DJ
#BIG SCREEN AND STAGE
#AIR CONDITIONED HALL
#PENAMPILAN ISTIMEWA ARTIS
ANJURAN :
AARON NETWORK
Untuk Maklumat Lanjut, Sila Hubungi:
011.2969.1515 / 013.603.3389

Tiada alasan penjawat awam gagal bayar PTPTN



SHAIRY Jamaludin

PUTRAJAYA 14 Jun - Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin mencadangkan tindakan tatatertib dikenakan terhadap penjawat awam yang gagal membayar balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Beliau berkata, tiada alasan bagi penjawat awam untuk tidak membayar balik pinjaman memandangkan mereka mempunyai pendapatan tetap.

"Bagi saya peminjam yang tidak membayar balik telah mengkhianati perjanjian dan menafikan hak pelajar lain untuk mendapatkan pinjaman yang sama

kerana kita sedia maklum jumlah pinjaman PTPTN kini telah dikurangkan kerana ramai yang tidak membayar balik," katanya.

Katanya, Jabatan Perkhidmatan Awam perlu pertimbangkan tindakan tatatertib dikenakan kerana penjawat awam harus mendukung dasar kerajaan dan bukan mengkhianati perjanjian tersebut.

Beliau demikian kepada pemberita selepas menyertai larian amal *Reach Out Run: Run for a Cause* ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini bahawa lebih 33,000 penjawat awam masih gagal

membayar pinjaman PTPTN.

Khairy berkata, beliau faham sekiranya atas beberapa masalah seperti menghidap penyakit kronik mungkin mereka tidak mampu bayar balik, namun peluang masih diberikan untuk mereka menjadualkan semula bayaran balik.

Larian amal anjuran iM4U itu berjaya mengumpul RM200,000 yang akan di-agihkan kepada empat badan amal iaitu Heart Foundation of Malaysia, Dyslexia Association of Malaysia, SVM Welfare Association dan Langkawi Animal Shelter and Sanctuary Foundation.- BERNAMA

KUIM terima pelajar pascasiswazah baharu

KUALA SUNGAI BARU 14 Jun - Sesi pendaftaran pelajar baharu pascasiswazah sesi akademik 2015/2016 Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) berjalan lancar, baru-baru ini di mana kaunter pendaftaran dibuka secara rasmi jam 8.30 pagi.

Menurut Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPS) KUIM, enrolmen pelajar pascasiswazah yang berdaftar meningkat dari tahun lepas merangkumi pelajar-pelajar dari Negeri Melaka dan seluruh Malaysia.

"KUIM telah menawarkan 10 program iaitu empat program pengajian Doktor Falsafah (PhD) iaitu dalam bidang Sejarah, Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan, Syariah dan Dakwah. "Manakala program pengajian Sarjana pula menawarkan bidang Sejarah, Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan. Sains Pengurusan, Pengajian Islam Dakwah, Syariah dan Komunikasi.

"Sempena pendaftaran pelajar baharu, IPS juga mengadakan taklimat akademik secara ringkas untuk mendedahkan kepada pelajar mengenai bidang yang di-

ambil di samping mereka dapat melihat kemudahan dan prasarana disediakan di KUIM," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Naib Canselor, Prof. Dr. Mohd Taib Dora telah meluangkan masa melawat kaunter-kaunter khas disediakan bagi melancarkan proses pendaftaran serta beramah mesra dengan para pelajar di kawasan pendaftaran.

Turut sama, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Noor Jeffri Abdul Wahab dan Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat, Prof. Datuk Dr. Baharudin Puteh.



SESI pendaftaran mahasiswa PhD baharu KUIM.

Ops Anti-Dadah: Polis berkas pasangan kekasih

Oleh NURFATEHA OTHMAN

BANDARAYA MELAKA 14 Jun - Sepasang kekasih berumur antara 20 hingga 35 tahun antara lima orang yang ditahan polis dalam dua operasi anti-dadah di Bakar Batu, Kandang dan Tangga Batu, Khamis lalu.

Menurut sumber, pasangan kekasih itu ditahan dalam satu serbuan sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah di sebuah rumah di Bakar Batu kira-kira jam 10.30 pagi, Khamis lalu.

Sumber itu berkata, pasangan kekasih itu bertindak melarikan diri menerusi pintu



SHAIKH Abdul Adzis

belakang rumah sebaik menyedari kehadiran polis.

Namun, tindakan mereka tidak membuahkan hasil apabila polis terlebih dahulu mengepung rumah itu selepas melakukan intipan.

Difahamkan, semasa serbuan di rumah itu, polis berjaya merampas dadah jenis syabu dan heroin dianggarkan bernilai RM5,000.

Sementara itu, dalam satu lagi serbuan sekitar jam 5.30 petang di sebuah rumah di Tangga Batu, polis menahan tiga lelaki, termasuk seorang buruh Indonesia.

Siasatan awal polis mendapati, terbabit dimiliki oleh salah seorang suspek dan ia

kerap kali digunakan sebagai tempat melepaskan ketagihan.

Semasa serbuan, polis turut merampas dadah jenis syabu dan heroin dianggarkan bernilai RM3,000.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner, Shaikh Abdul Adzis Shaikh Abdullah mengesahkan kedua-dua tangkapan itu.

Tegasnya, polis percaya kedua-dua rumah yang diserbu itu menjadi sarang penagih dadah untuk melepaskan gnan.

Jelasnya, kesemua suspek yang kini ditahan polis direman sehingga 17 Jun ini bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1982 yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati mandatori jika sabit kesalahan.



KETUA Menteri, Datuk Seri Ir. Idris menghadiri Majlis Makan Malam bagi meraikan peserta Kejohanan Crescent Cup Rugby di Gold Coast Hotel, Bukit Katil, Khamis lalu. Turut hadir Exco Kesihatan dan Pembangunan Sukan, Datuk Ab. Rahaman Ab. Karim. Enam negara menyertai kejohanan berprestij yang berlangsung di Politeknik Merlimau iaitu Malaysia Kazakhstan, Algeria, Uzbekistan dan Lebanon.

Pelajar perlu praktik kemahiran kokurikulum

Oleh **AZHAR YUSOF**

MERLIMAU 14 Jun - Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi, Datuk Wira Md. Yunos Husin berkata, pelajar yang menyertai bidang persilatan perlu mempraktikkan segala ilmu dan kemahiran yang diperolehi untuk menjadi insan cemerlang, gemilang dan terbilang, seterusnya gah di persada antarabangsa.

Katanya, ia bertepatan dengan hasrat dan aspirasi yang terkandung dalam falsafah pendidikan negara di mana kegiatan kokurikulum adalah salah satu aktiviti yang mesti disertai oleh para pelajar ke arah menerapkan nilai-nilai toleransi, jati diri, setia kawan, jujur serta dapat meningkatkan semangat perpaduan antara kaum dalam kalangan generasi masa kini.

"Menerusi pertandingan ini, sudah pasti akan dapat menyemai serta mengukuhkan rasa cinta para pelajar terhadap warisan budaya bangsa di samping dapat melahirkan generasi



PESILAT Melaka yang mendapat tempat kedua Kategori Seni Tari SM Putera menerima hadiah daripada Md. Yunos.

yang berdikari, bersikap positif.

"Selain sabar dan berani menghadapi cabaran, yakin pada diri sendiri, berupaya menerapkan nilai-nilai murni, menanam semangat kesukanan yang positif, memupuk semangat kerjasama dan bertoleransi," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penutup Pertandingan Silat Seni Sekolah-Sekolah Malaysia Peringkat Kebangsaan di Dewan Politeknik Merlimau, Kha-

mis lalu.

Hadir sama Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, KPM, Amran Kamsi; Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Husin Chek dan Ketua Unit Kokurikulum JPN, Jamsari Mariman.

Md. Yunos memberitahu, kerajaan negeri juga sentiasa menggalakkan acara berbentuk kebangsaan mahupun antarabangsa dianjurkan di Negeri Melaka.



SEBAHAGIAN peserta bergambar beramal-ramal bersama Md. Yunos.

Katanya, ia selari dengan hasrat bagi mempopularkan sektor pelancongan sukan dan budaya selain menggalakkan pihak urus setia menggunakan kemudahan yang ada dalam meningkatkan kedatangan pelancong di negeri ini.

Sementara itu, Kontinjen Johor muncul juara keseluruhan pertandingan berkenaan setelah memenangi Kategori Seni Tempur Silat Sekolah Rendah (SR) Putera, Seni Jurus Silat SR Putera, Seni Tempur

Silat Sekolah Menengah (SM) Puteri dan Seni Jurus Silat SM Puteri dan Puteri.

Kontinjen Johor juga mendapat tempat kedua Kategori Muzik Tempatan, ketiga Kategori Seni Tari Silat SM Putera, Seni Jurus Silat SM Puteri dan Seni Tari Silat SR Putera.

Kontinjen Kuala Lumpur memenangi juara keseluruhan Kategori SM apabila menjuarai Gendang Silat Seni Asli Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Silat Seni Asli Putera,

kedua Kategori Seni Jurus Silat Putera, Seni Tempur Silat Putera, Seni Tari Silat Puteri dan tempat ketiga Seni Tari Silat SR Puteri.

Manakala kontinjen Sarawak muncul juara keseluruhan bagi Kategori SR apabila menjuarai Kategori Seni Tempur Silat, tempat kedua Kategori Seni Tari Silat Putera, Seni Jurus Silat Puteri dan Putera selain menjuarai Seni Tari Silat SM Puteri, Muzik Tempatan dan tempat ketiga Seni Jurus Silat SM Puteri.



Penyertaan antarabangsa meningkat

MBOR iktiraf Melaka International RC Powerboat

Oleh LIANA SAHABUDIN

MELAKA International RC Powerboat 2015 menarik lebih 540 penyertaan dari 147 pemilik bot melibatkan 10 penyertaan dari negara luar.

Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron berkata, ia bersempena Festival Antarabangsa Sungai Melaka 2015 yang mana menunjukkan penyertaan terbesar dari negara antarabangsa.

Menurutnya, sejak enam tahun diadakan penyertaan dari pemilik bot sangat menggalakkan apabila ia bertambah dari tahun ke tahun.

"Kita lihat mereka sangat berminat kepada aktiviti sebegini kerana ada dalam kalangan mereka dari persatuan-persatuan bot kawalan jauh.

"Ini secara langsung menambah bilangan pelancong ke negeri ini apabila penyertaan tersebut menarik negara-negara luar seperti Brunei, Singapura, Vietnam, Jepun Thailand dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Melaka International RC Powerboat Race 2015 di Tasik Ayer Keroh di sini Jumaat lalu.

Jelasnya, program itu akan dijadikan sebagai sambutan



IDRIS menandatangani plak perasmian Melaka International RC Powerboat Race 2015 di Tasik Ayer Keroh, Jumaat lalu.

setiap tahun dan pihak penganjur disaran supaya menambah baik aktiviti itu di masa akan datang.

"Diharap pada tahun hadapan mereka dapat menambah penyertaan peserta yang memiliki remote control drone untuk menyertai aktiviti ini.

"Mereka yang ingin menyertai dikenakan syarat yang mana

berupaya melakukan water landing dan terbang di udara. Saya percaya ia dapat menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini sekiranya idea itu diteruskan," katanya.

Idris berkata, dengan



IDRIS menerima sijil pengiktirafan MBOR pada program berkenaan.

teknik tersebut tidak mustahil ia dapat membantu melakukan perkara-perkara yang boleh membawa manfaat seperti mengendalikan waktu keemasan di empangan air.

"Melaka punyai empangan dan kemungkinan besar kita tidak dapat sampai ke tengah empangan tersebut sekiranya berlaku kecemasan.

"Dengan adanya teknik ini, kita dapat selesaikan masalah yang berlaku bagi mendapatkan maklumat atau data di tengah empangan," katanya.

Hadir sama Timbalan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar; Datuk Sazali Muhd. Din; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai, Nazary Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB), Datuk Ir. Mohd Khalid Nasir.

Program tersebut telah di-anugerahkan Malaysian Book Of Records (MBOR) selama dua tahun berturut-turut.

IDRIS melakukan simbolik perasmian majlis.



BOT kawalan jauh ketika beraksi pada perlumbaan di Tasik Ayer Keroh.